



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 Jld.3 (33)
Tarikh : 4 Ogos 2020
Bersamaan : 14 Zulhijjah 1441H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**PEMBAYARAN CARUMAN PERKESO MENGGUNAKAN ARAHAN
PEMBAYARAN TANPA PESANAN (JENIS K2 – A)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan ini kandungan 25 dalam siri yang sama bertarikh 3 Februari 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, setiap PTJ yang membuat pembayaran kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Arahan Pembayaran untuk pekerja kontrak, perlu mematuhi perkara berikut :

- i) Mengemaskini maklumat pekerja dan bayaran melalui Portal ASSIST (assist.perkeso.gov.my)
- ii) Bayaran Caruman bagi bulan yang sama bagi setiap pekerja hendaklah dibuat menggunakan satu Arahan Pembayaran. Sesalinan Arahan pembayaran tersebut bersama senarai maklumat pekerja yang dibayar hendaklah dikemukakan melalui emel ago@perkeso.gov.my;
- iii) Perihal Bayaran hendaklah mematuhi format berikut:
Contoh perihal: A1200034567B01202004

A1200034567B	012020	04
No. Kod Majikan	Bulan Caruman (MMYYYY)	2 Digit terakhir Pejabat Perakaunan JANM Melaka : 1004

3. Sehubungan itu, Jabatan ini akan menolak Arahan Pembayaran yang tidak mematuhi arahan ini.

4. Bersama-sama ini disertakan surat daripada PERKESO untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

Seksyen Operasi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.